

12/08/2001

Ubah haluan kerana ribut tropika Usagi

Mohd Zin Ali in Vientiane

VIENTIANE: Ribut tropika Usagi yang dijangka melanda pantai Vietnam dalam tempoh 48 jam memaksa dua pesawat eksperimental Zodiac Rakan Muda yang menyertai Penerbangan Muhibah Asean 2001, mengubah jadual dan haluan perjalanan mereka.

Sehubungan itu, pesawat 9M-ERA dan 9M-ERM yang sepatutnya meninggalkan ibu negara Laos menuju Hanoi, Vietnam, awal pagi ini, terpaksa meneruskan perjalanan ke Phnom Penh, Kemboja, Selasa ini.

Koordinator Ekspedisi Othman Harun, berkata ribut tropika Usagi disertai hujan lebat dan angin kencang dijangka melanda pantai Vietnam dalam dua atau tiga hari itu boleh membahayakan kedua-dua pesawat ringan Zodiac.

Beliau berkata, kedua-dua pesawat itu tidak dibenarkan meninggalkan Lapangan Terbang Antarabangsa Wattay di sini atas sebab keselamatan sehingga Selasa ini.

"Bagaimanapun, pesawat pengiring CN 235 yang membawa tujuh krew Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), lapan wartawan dan sebahagian peserta ekspedisi akan meneruskan perjalanan ke Hanoi, pagi esok (pagi ini).

"Mereka akan menyertai program yang sudah disediakan termasuk majlis penyerahan wafat jempunan kepada kerajaan Vietnam Isnin ini sebelum berlepas ke Phnom Penh, Kemboja keesokannya.

"Justeru, dua pesawat eksperimental Zodiac akan meneruskan perjalanan ke Phnom Penh, Kemboja Selasa ini serentak apabila pesawat CN 235 meninggalkan Hanoi," katanya di sini, semalam.

Sementara itu, peserta Rakan Muda Udara yang sepatutnya mengambil peluang untuk bersiar-siar di ruang udara ibu negara Laos, pagi semalam terpaksa menyimpan niat masing-masing kerana kesan ribut tropika Usagi mula terasa di sini.

Cuaca mendung dan hujan lebat menggagalkan hasrat mereka untuk mengisi masa terluang dengan melihat pemandangan ibu negara Laos dari udara.

Ekspedisi Penerbangan Muhibah Asean 2001 mengikut laluan Utara ini akan mengambil masa 17 hari dengan perjalanan melebihi 4,000 batu nautika melalui Myanmar, Laos, Vietnam, Kemboja dan Thailand.

Ekspedisi yang masuk hari keenam hari ini bertujuan mengamalkan budaya tradisi Malaysia dengan menyampaikan sendiri jempunan kepada negara anggota Asean untuk hadir ke Sukan Sea ke-21 pada September ini.

Ia juga mendedahkan ahli Rakan Muda kepada cabaran dan semangat juang yang tinggi.

Penerbangan Muhibah Asean 2001 dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pangkalan TUDM Sungai Besi, 14 Julai lalu.

(END)